

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN NO. 264

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bantuan-bantuan bot nelayan darat. Apakah status yang telah dipohon sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia menyediakan peruntukan di bawah Program *Touch Point* secara *in-kind* kepada nelayan darat untuk meningkatkan hasil tangkapan perikanan seperti peralatan keselamatan nelayan (jaket keselamatan, boya keselamatan, alat pemadam api, kit keselamatan, alat *personel locator beacon*, radio komunikasi nelayan dan GPS), peralatan penangkapan ikan (pukat, unjam) dan peralatan pengendalian ikan (tong ikan insulasi).

2. Peruntukan *touch point* yang disediakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia setiap tahun adalah sebanyak RM500 ribu; dimana maksimum jumlah penerima adalah seramai 1,000 orang dan had bantuan maksimum adalah RM500 seorang.

3. Disamping itu, Kementerian juga memberikan bantuan elaun sara hidup kepada nelayan darat dengan peruntukan sebanyak RM12.48 juta pada tahun 2018, pada kadar RM200 sebulan kepada 5,200 orang.

4. Status kedua-dua program bantuan ini masih lagi diteruskan dan pihak Kementerian dari semasa ke semasa akan mengkaji mekanisma dan kaedah yang terbaik bagi memastikan hanya nelayan darat yang benar-benar tulen dan layak sahaja menerima manfaat daripada bantuan tersebut.

Sekian, terima kasih.